

B B547 DEB
MAHATHIR - BADAN

ALOR SETAR, 1 MEI (BERNAMA) -- KERAJAAN PUSAT SEDAR BAHAWA LANGKAH MEMINDAHKAN SYARIKAT-SYARIKAT KEPUNYAAN PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI YANG MENCATAT KEUNTUNGAN KEPADA AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN) MENIMBULKAN RASA TIDAK PUAS HATI DI KALANGAN KERAJAAN NEGERI, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BAGAIMANAPUN PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA JIKA IA TIDAK DILAKUKAN KERAJAAN AKAN MENGHADAPI KESUKARAN MENGAGIHKAN KEKAYAAN INI KEPADA BUMIPUTERA.

+APABILA KITA MEMBINCANGKAN SOAL MENGAGIHAN KEKAYAAN NEGARA KEPADA PENDUDUK NEGARA INI, IAITU PADA WAKTU KITA MENCIPTA DASAR EKONOMI BARU (DEB), KITA BERPENDAPAT BAHAWA MODAL YANG DIBERIKAN KEPADA BADAN-BADAN INI ADALAH MODAL RAKYAT,+ KATANYA KETIKA MERASMIKAN BANGUNAN PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI KEDAH (PKNK) BERHARGA \$15 JUTA DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DISEBABKAN HAL ITU, KERAJAAN MENENTUKAN BAHAWA MANA-MANA SYARIKAT KEPUNYAAN PERBADANAN ITU DIPINDAHKAN KEPADA ASN KERANA PEMEGANG SAHAMNYA IALAH RAKYAT.

TINDAKAN ITU, KATANYA, TELAH MENIMBULKAN RASA TIDAK PUAS HATI DI KALANGAN KERAJAAN NEGERI DAN JUGA PENGURUS PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD YANG BERPENDAPAT BAHAWA JIKA SYARIKAT-SYARIKAT YANG UNTUNG DIPINDAHKAN KEPADA ASN MEREKA SUDAH TENTU TIDAK DAPAT MENIMATI KEUNTUNGAN ITU. -- LAGI.

2034MST 01 05 86

B B549 DEB
MAHATHIR - BADAN 2 ALOR SETAR

INI MEMANG BENAR TETAPI BUKANLAH HASRAT KERAJAAN MENUBUHKAN BADAN-BADAN ITU UNTUK MEREKA MENIKMATI KEUNTUNGANNYA, KATA BELIAU.

+HASRAT KITA IALAH SUPAYA RAKYAT MENIKMATI KEKAYAAN INI TERUTAMA KAUM BUMIPUTERA, DI MANA KITA TELAH BERJANJI BAHAWA MEREKA AKAN DAPAT MENIKMATI SEKURANG-KURANGNYA 30 PERATUS DARIPADA KEKAYAAN NEGARA KITA INI.+

INILAH SEBABNYA KERAJAAN MEMINDAHKAN SYARIKAT-SYARIKAT YANG BERJAYA ITU KEPADA ASN, KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA PERKARA INI MEMANG MALANG KEPADA MEREKA YANG TERBABIT TETAPI DALAM MENTADBIRKAN NEGARA KERAJAAN TIDAK BERTUJUAN Mencari KEUNTUNGAN BAGI DIRINYA.

+SEBALIKNYA KITA INGIN AGIHKAN KEKAYAAN INI SUPAYA SEMUA KAUM AKAN MENIKMATI PERKEMBANGAN EKONOMI NEGARA KITA INI,+ KATANYA. -- LAGI.

2036MST 01 05 86

B B550 DEB
MAHATHIR - BADAN 3 ALOR SETAR

PERDANA MENTERI JUGA KESAL KERANA PERKARA SEPERTI KEKURANGAN PENGALAMAN, KECEKAPAN DAN RASUAH YANG BERLAKU PADA WAKTU MULA-MULA PERBADANAN-PERBADANAN INI DITUBUHKAN MASIH WUJUD.

KATANYA, INI MERUGIKAN DAN KADANG-KALANYA MEMBAWA KESAN YANG TERUK KEPADA KEBANYAKAN SYARIKAT YANG KINI TERDAPAT KIRA-KIRA 900 BUAH YANG DIMILIKI OLEH KERAJAAN NEGERI DAN PUSAT.

+OLEH ITU, SEKARANG KITA TELAH MEMBENTUK SATU BADAN KHAS UNTUK MENELITI PERJALANAN SYARIKAT-SYARIKAT INI,+ KATA BELIAU.

BADAN ITU DIBERI TANGGUNGJAWAB Mendapatkan MAKLUMAT DARIPADA SYARIKAT-SYARIKAT ITU DAN +SEKIRANYA TERDAPAT DATA-DATA YANG PELIK, KITA AKAN HANTAR SATU PASUKAN PENYELAMAT UNTUK MENELITI KEADAANNYA,+ KATANYA.

DENGAN SISTEM PENGAMARAN AWAL ITU, KATA BELIAU, KERAJAAN AKAN DAPAT MENGAMBIL TINDAKAN MEMPERBETULKAN KEADAAN SEBELUM IA TIDAK DAPAT DIKAWALKAN.

-- BERNAMA.

2041MST 01 05 86